

# Wajib daulat bahasa Melayu dalam amalan profesional

**Kuala Lumpur:** Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan wajib didaulatkan dalam semua bidang ilmu dan amalan profesional di negara ini terutama dalam konteks pelantikan penjawat awam.

Pengerusi Lembaga Pengelola Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Prof Datuk Seri Dr Md Salleh Yaapar, berkata beliau membantah keras langkah Kementerian Kesihatan melonggarkan syarat lulus bahasa Melayu peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) bagi lantikan kontrak pegawai perubatan UD41.

"Syarat lulus bahasa Melayu perlu meliputi semua peringkat perjawatan tanpa mengira sama ada kontrak, sementara atau tetap.

"Apatah lagi jika perubatan bidang kritikal yang banyak melibatkan komunikasi lisan dengan pesakit, manakala salah faham bahasa boleh membawa maut ke-

pada pesakit terutama di luar bandar," katanya kepada *BH*, semalam.

## Singkir Bahasa Melayu

Md Salleh juga menyifatkan langkah Kementerian Kesihatan itu sebagai tindakan secara sengaja untuk menyingkirkan bahasa Melayu dari kedudukannya sebagai bahasa kebangsaan yang dijamin haknya oleh Artikel 152 Perlembagaan Persekutuan.

"Jika tindakan Kementerian Kesihatan ini dibiarkan, ia akan segera disusuli oleh pelbagai pihak lain yang akhirnya menyaksikan tersungkurnya bahasa Melayu," katanya.

Sementara itu, Felo Utama, Institut Kajian Etnik Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Datuk Dr Teo Kok Seong menyifatkan tindakan Kementerian Kesihatan



Md Salleh Yaapar



Teo Kok Seong

dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) sebagai langkah ke belakang.

## Penguasaan BM akan merosot

Katanya, tindakan itu juga akan menyaksikan penguasaan bahasa Melayu di kalangan rakyat Malaysia semakin merosot.

"Pada tahun 1970-an, kerajaan menetapkan syarat Kepujian dalam Bahasa Melayu untuk bekerja di dalam sektor awam, tetapi kebelakangan ini ia dilonggarkan hanya perlu lulus sahaja.

"Kini syarat itu mahu dilonggarkan lagi seolah-olah sudah tidak perlu lulus langsung dalam mata pelajaran itu.

"Ini amat tidak wajar dan boleh diibaratkan sebagai langkah ke belakang. Seharusnya selepas 60 tahun merdeka isu ini tidak sepatutnya timbul," katanya.